

Bukan halangan

DUA pesilat negara, Zakri Ibrahim dan Siti Azahariah Hussin tidak bimbang menghadapi latihan pusat untuk Kejuaraan Silat Sedunia pada 2-9 Disember ini, meskipun terbabit dengan peperiksaan.

Zakri yang memenangi pingat perak Sukan SEA di Jakarta, akan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) aliran perdagangan, manakala Siti Azahariah peperiksaan Kajian Seni Bina Institut Kemahiran Mara (IKM) esok. **PENCAK / SILAT**

Siti Azahariah menganggap latihan bukan penghalang untuknya mencapai keputusan terbaik dalam pelajaran.

15 NOV 1987

• "Saya sudah bersedia untuk peperiksaan," katanya. Beliau mula menghadapi peperiksaan esok, pada 30 November dan satu lagi pada 1 Disember, sehari sebelum kejohanan bermula.

B. Minggu (M)

Menurutnya: "Saya mengulang kaji pelajaran apabila tidak menjalani latihan."

Siti Azahariah yang kecewa meraih pingat di Sukan SEA lalu, berazam menebus kehampaan itu dalam kejohanan ini.

Zakri pula berkata: "Saya telah lama memberi perhatian untuk menghadapi peperiksaan ini dan berdoa tidak akan gagal."

"Saya sudah meminta pengecualian daripada jurulatih untuk tidak menjalani latihan waktu siang bagi membolehkan saya mengulang kaji pelajaran," katanya.

Silat boleh menggalakkan pelancongan

KUALA LUMPUR, Isnin — Seni mempertahankan diri akan diperluaskan bagi menarik lebih ramai pelancong ke negara ini, kata Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik.

Beliau berkata perkembangan seni mempertahankan diri dapat menanamkan nilai-nilai hidup yang positif untuk membentuk fizikal dan mental yang sihat.

17 NOV 1987

Beliau berkata demikian dalam ucapan yang dibacakan oleh Ketua Pengarah Kebudayaan, Encik Aziz Deraman, di perasmian mesyuarat agung ke-13 Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia di sini semalam.

Datuk Sabbaruddin berpendapat penyertaan dalam seni mempertahankan diri boleh menanam semangat kebangsaan di jiwa seseorang.

Beliau berkata pertubuhan seni silat lincah boleh menjadi salah satu saluran bagi menyemai nilai-nilai murni untuk pembangunan jasmani dan rohani.

B. Hanan (M)

"Semangat dan sikap kepemimpinan perlu dipupuk di kalangan generasi muda masa kini kerana mereka adalah tunggak yang bakal mearisi dan meneruskan perjuangan untuk megakkan maruah agama dan bangsa," katanya.

Di mesyuarat agung itu, Haji Abdul Rahim Hanan dipilih sebagai Yang Dipertua persatuan itu dan Raja Azizah Raja Ahmad sebagai Yang Dipertua. Encik Ali Kassim pula dipilih sebagai Setiausaha Agung.

Ralat

18 NOV 1987

LAPORAN bertajuk 'Pasukan silat Singapura hadapi cabaran genting di muka 10 Berita Minggu' menyatakan latihan empat kali seminggu di bawah pengawasan dua jurulatih kebangsaan, Tumiran Tangat dan Iskandar Muda Jalil Rais, di Persatuan Instruktur Pertahanan Diri Singapura (SMAIA).

Setiausaha Persisi, Johari H.M. Uriff, semalam menjelaskan bahawa jurulatih kebangsaan ialah Hosni Ahmad dan Iskandar Muda adalah pembantunya, sementara Tumiran merupakan pengurus pasukan.